

PARLIMEN: Bomba Sukarela Dilindungi Insurans Mulai Tahun Depan - Chor Bernama
29 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Kerajaan bersetuju memberi perlindungan insurans secara berkelompok kepada Pasukan Bomba Sukarela bermula 1 Jan depan sebagai insentif kepada anggota pasukan itu yang terdedah kepada bahaya semasa melaksanakan tugas.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung berkata buat masa ini kerajaan juga sedang menimbang untuk membayar elaun kepada anggota pasukan itu sebagai penghargaan membantu operasi kebombaannya.

"Sumbangan mereka adalah amat penting kerana bukan sahaja mereka ini dapat membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bahkan berganding usaha ke arah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat setempat dalam menghadapi kecemasan khususnya kebakaran," katanya ketika menjawab soalan Datuk Dr Mohd Hayati Othman (PAS-Pendang), di persidangan Dewan Rakyat, Isnin.

Beliau berkata bagi membantu pasukan itu menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka, kementerian juga telah memberikan pelbagai bantuan termasuk kenderaan bomba dan latihan, peralatan keselamatan kebombaannya seperti pam, but, jaket dan topi keselamatan.

Di samping itu, pelbagai program dan latihan turut dianjurkan kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kebombaannya pasukan itu, di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=705282>